

18/08/2003

Negara Islam boleh rebah (HL)

Mior Kamarul Shahid

DAMSYIK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa satu demi satu negara Islam akan rebah sekiranya mereka tidak bersatu setelah beberapa negara Islam menjadi sasaran 'perubahan rejim' oleh negara Barat.

Perdana Menteri berkata, peristiwa 11 September yang kemudiannya mencetuskan peperangan terhadap pengganas, diikuti pencerobohan ke atas Afghanistan dan Iraq sepatutnya menyentak umat Islam daripada lamunan.

Beliau menasihatkan negara Islam bahawa dalam dunia unipolar hari ini, wujud kecenderungan negara kuasa dunia mengamalkan undang-undang rimba. Apa saja dilakukan oleh negara yang kuat dianggap benar belaka, kononnya untuk menyelesaikan pertikaian antarabangsa manakala negara lemah dan kurang maju, kebanyakannya negara Islam, begitu mudah diceroboh dan dijajah.

Beliau sedih dengan keadaan umat Islam yang begitu lemah dan berpecah belah serta sering didiskriminasikan oleh Barat.

Dr Mahathir berucap pada jamuan diberikan oleh Presiden Republik Arab Syria, Dr Bashar Hafeez Al-Assad, di Istana Rakyat, Qasir A-Shaab di sini, malam tadi.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini semalam untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Syria.

Tengah hari semalam, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Dr Bashar manakala Dr Siti Hasmah mengunjungi isteri Presiden, Asma Al-Assad.

Dr Mahathir kemudian mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Syria, Mustapha Mero diikuti perbincangan dengan delegasi kedua-dua negara.

Dr Mahathir dan Mustapha kemudian menyaksikan upacara menandatangani 12 perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) yang membabitkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, perdagangan dan statistik.

Antara perjanjian yang ditandatangani ialah mengenai kerjasama ekonomi, kebudayaan, saintifik dan teknikal antara Kerajaan Malaysia dan Syria dan perjanjian perdagangan antara kedua-dua kerajaan.

Dalam ucapan pada majlis jamuan itu, Dr Mahathir turut menyingkap sejarah keagungan Islam pada zaman Rasulullah dan sahabat seperti Sayyidina Abu Bakar, Omar, Othman dan Ali serta pemimpin dan pahlawan agung Islam termasuk Khalid Ibn Walid, Nur al Deen dan Sallahuddin Al-Ayubi yang berjuang untuk menyebarkan ajaran Islam atau mempertahankan agama daripada penentang Islam.

Zaman kegemilangan Syria ialah sewaktu pemerintahan Bani Umayyah (661-750 AD) yang menjadikannya sebuah empayar merentasi dari selatan Perancis dan Andalusia di Sepanyol, ke Lembah Indus di India di bahagian selatan dan di Barat China di bahagian Timur. Ketika itu kerajaan Umayyah mengamalkan sikap tolak ansur terhadap penganut kepercayaan lain di samping memberi galakan kepada soal pendidikan dan sains. Damsyik menjadi pusat pembelajaran dan menjadi tumpuan ramai sarjana dan pemikir seperti Ibn Katheer dan Imam Al Nawawi.

Dr Mahathir sedih kerana zaman kegemilangan sejarah umat Islam sebelum ini, tidak wujud lagi hari ini. Sejak peristiwa 11 September, Islam dianggap sebagai agama yang mendukung tindakan keganasan. Negara Islam diserang kerana dianggap menyokong pengganas.

"Kita tidak boleh lagi berpecah-belah jika kita tidak mahu satu demi satu negara Islam rebah," katanya.

Malaysia yakin kekayaan kewangan dan sumber asli yang ada di negara Islam umat boleh menjadikan kuat sekiranya negara Islam mengurus hal ehwal

negara dengan baik.

Dr Mahathir mengulangi bahawa sikap keganasan tidak sepatutnya dilabel atau dikaitkan dengan soal kepercayaan atau kumpulan manusia tertentu. Satu definisi keganasan yang diterima sejagat amat penting dirumuskan bagi membolehkan masyarakat antarabangsa membendung golongan itu secara berkesan.

"Masalah penganasan mesti diuruskan daripada puncanya. Malaysia dan Syria mempunyai pandangan yang sama mengenai isu itu," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia bimbang dengan keadaan di Timur Tengah terutamanya konflik Palestin-Israel.

"Membunuh sesama manusia akibat marah yang dilakukan oleh kedua-dua pihak tidak dapat menyelesaikan apa-apa masalah.

"Kita perlu mengukur kekuatan dan strategi kita supaya sebarang pengorbanan akan menentukan matlamat kejayaan kita," katanya.

Dr Mahathir percaya keamanan yang komprehensif di rantau ini, tidak boleh dicapai tanpa penyertaan Syria dan Lebanon.

Sementara itu, hubungan Malaysia dan Syria mendapat sambutan menggalakkan berikutan upacara menandatangani 12 perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) kedua-dua negara sempena Perdana Menteri.

Perjanjian dan MoU yang bertujuan mengeratkan kerjasama, ditandatangani di hadapan Dr Mahathir dan rakan sejawatnya dari Syria Mustapha Miro.

Terdahulu, kedua-dua Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat bersama antara kedua-dua negara di pejabat Perdana Menteri.

Delegasi Malaysia termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Tenaga, Komunikasi dan dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Sains, Teknologi dan Alat Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding; Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman; Ketua Menteri Sabah Datuk Musa Aman dan pemimpin lebih 20 syarikat.